

08/09/1997

Harakah, Rocket tidak boleh dijual

AKHBAR Harakah dan Rocket tidak dibenarkan dijual secara terbuka kerana kedua-duanya tidak mempunyai permit daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN), berkuatkuasa segera.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata selama ini kerajaan tidak bertindak walaupun akhbar itu milik parti atau kelab yang dijual secara terbuka.

Menurutnya, walaupun dakyah akhbar itu buruk, ia tidak memberikan kesan terhadap Umno.

"Tetapi ia adalah fitnah yang amat besar, maka kita akan ambil tindakan supaya ia tidak lagi dijual," katanya ketika menggulung perbahasan, semalam.

Beliau berkata, kerajaan akan mengambil tindakan terhadap kedai atau gerai yang menjual akhbar itu secara terbuka.

"Jika ia (Harakah) menyebarkan fitnah, ia akan didakwa di mahkamah," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Perdana Menteri menegaskan, laporan di dalam kedua-dua akhbar sejak kebelakangan ini membabitkan tuduhan serta fitnah keterlaluan terhadap pemimpin Umno mahupun kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Harakah tidak dapat permit KDN. Ia akhbar untuk parti saja. Dengan itu, ia tidak boleh dijual di kedai buku. Kalau ia dijual di kedai buku maka pekedai membuat kesalahan dan kita akan mengambil tindakan.

"Rocket pun sama. Kalau dia tak dapat KDN, dia tak boleh dijual," katanya sambil menyatakan PAS tidak pernah membuat permohonan mendapatkan permit.

Arahan berkuatkuasa perkara itu, menurutnya, akan dikeluarkan secepat mungkin.

Akhbar Harakah menjadi sasaran utama perwakilan mesyuarat agung Pemuda dan Wanita serta perhimpunan agung Umno selama empat hari. Pembahas menyifatkan akhbar itu menyebarkan fitnah, memburuk-burukkan pemimpin Umno dan mencetuskan isu membabitkan mufti.

Sehubungan itu, perwakilan mahu akhbar PAS itu diharamkan supaya rakyat yang tidak mengetahui hakikat sebenar, tidak terpengaruh.

Dr Mahathir berkata, walaupun Harakah tidak diharamkan daripada dijual secara terbuka, kerajaan BN tetap dituduh tidak demokratik oleh pihak tertentu di luar negara.

"Dialah yang demokratik. Bila dia main ini (tekanan terhadap Malaysia) kita tak boleh tegur sikit pun. Bila kita tegur, dia marah ...," katanya.

Ditanya mengenai kedudukan Harakah dalam Internet, Perdana Menteri berkata, perkara itu di luar bidang kuasa kerajaan kerana kerajaan tidak boleh menapis laporan dalam saluran itu.

(END)